

**PENGURUSAN KURIKULUM DAN HUBUNGANNYA
DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR SEKOLAH-
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH
SANDAKAN SABAH**



JEAN VERGARA@ALIMAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**PENGURUSAN KURIKULUM DAN HUBUNGANNYA
DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR SEKOLAH-
SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH SANDAKAN SABAH**

JEAN VERGARA@ALIMAH



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."



Tandatangan

: _____

Nama

: JEAN VERGARA@ALIMAH

No. Matrik

: MT1212229T

Tarikh

: Mei 2014

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGURUSAN KURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PENCAPAIAN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH SANDAKAN
SABAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **JEAN VERGARA @ ALIMAH**

SESI PENGAJIAN : **2012/2014**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi Maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

☐

/

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh;

(JEAN VERGARA@ALIMAH)

(DR.SHUKRI BIN ZAIN)

Alamat tetap:

24 MEI 2014

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

TARIKH :

****Jika tesis ini SULIT atau TERHAD. Sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi Berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.**

@ tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t yang telah memberikan saya taufik dan hidayah-Nya untuk menyiapkan tesis ini. Tesis ini tidak dapat dihasilkan dengan sempurna tanpa tunjuk ajar daripada Dr. Shukri Bin Zain selaku penyelia tesis ini, pensyarah-pensyarah di Fakulti Pendidikan serta kakitangan Universiti Malaysia Sabah.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua pengetua, penolong kanan, guru-guru sekolah menengah di Daerah Sandakan, pegawai-pegawai pendidikan di Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih juga saya ucapkan kepada suami dan anak-anak saya yang tidak jemu-jemu memberi dorongan dan semangat sehingga siapnya tesis ini. Untuk ibu saya, saya ucapkan terima kasih tidak terhingga kerana tidak jemu-jemu memberi nasihat sepanjang menyiapkan tesis ini. Tidak ketinggalan juga untuk teman seperjuangan yang banyak membantu saya, kakitangan perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu dan memberi galakan serta semangat dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali, kepada semua yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung, saya ucapkan jutaan terima kasih. Semoga Allah memberi rahmat dan membalas budi baik kalian.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian pengurusan kurikulum ke atas 16 buah sekolah di Daerah Sandakan, Sabah. Seramai 160 orang pengurus kurikulum (guru-guru) terlibat dalam menilai pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah yang dikaji. Tujuan kajian ini ialah untuk memeriksa pelaksanaan pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah terbabit, menganalisis apakah kelemahan yang terdapat dalam pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah tersebut. Tiga hipotesis dibentuk. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang lemah pada $\alpha=0.05$ pada $r=0.278$ dengan pencapaian PMR. Terdapat hubungan yang sederhana pada $\alpha=0.001$ pada $r=0.491$ dengan pencapaian SPM dan hubungan yang lemah pada $\alpha=0.05$ pada $r=0.276$ dengan pencapaian STPM di sekolah-sekolah tersebut. Antara kelemahan-kelemahan yang wujud dalam pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah tersebut ialah jurang pendapat antara penggubal dan pelaksana, proses penyebaran kurikulum yang tidak terancang menyebabkan kecairan maklumat, saiz kelas yang besar, tenaga pengajar tidak mencukupi atau tidak berketepatan dengan opsyen, penguasaan bahasa, dan kelewatan projek makmal komputer yang mengekang proses pengajaran dan pembelajaran terkini.

MANAGEMENT CURRICULUM AND ITS RELATIONSHIP TO STUDENT

ACHIEVEMENT IN SECONDARY

SCHOOLS IN SANDAKAN SABAH

ABSTRACT

This research which is also a survey on curriculum management on 16 schools was carried out in Sandakan. A total of 160 curriculum managers (at school level) were involved in the evaluation of curriculum management in the schools where the research had been carried out. The aim of this research is to check the implementation of the curriculum management in schools, to analyse the strength and weakness that occur in the curriculum management of school involved, to analyse and to see the correlation between curriculum management and academic performance of the school involved particularly in the PMR, SPM, and STPM. Three hypothesis were formulated. The findings of this research are: there is a weak correlation at $\alpha=0.05$ at $r=0.278$ between PMR and curriculum management in the schools involved, there is a moderate correlation at $\alpha=0.001$ at $r=0.491$ between curriculum management of these schools and the SPM performance; and finally, at $\alpha=0.05$, $r=0.276$, there is a weak correlation between STPM and curriculum management in the school involved. Among the weakness which occurred in the curriculum management of those schools involved are: there are gaps of opinion between those who construct the curriculum and the implementer. There are weaknesses in delivering the curriculum. A large class size hinders the implementation of the curriculum effectively, the restricted numbers of teachers, teachers with unsuitable options of teaching, the inproficiency of languages among students, and finally the behind schedule implementation of the computer laboratory facilities are the factors of weaknesses in curriculum management.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	8
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	12
1.7 Hipotesis Kajian	13
1.8 Signifikan Kajian	13
1.9 Batasan Kajian	14
1.10 Definisi Operasional	16
1.10.1 Pengurus Utama Kurikulum Sekolah Pengetua/ Guru Besar	16
1.10.2 Penolong Pengurus Kurikulum Sekolah: Penolong Kanan	17
1.10.3 Guru Sumber Mata Pelajaran	19
1.10.4 Pengurus Penitia Mata Pelajaran (Ketua Panitia)	20

1.11	Kerangka Konseptual Kajian	21
1.8	Kesimpulan	23
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	25
2.2	Teori Kepimpinan Pengajaran	25
2.2.2	Teori Kepimpinan Transformasi	31
2.2.3	Teori Gantian Kepada Kepimpinan	34
2.2.4	Kajian-kajian Tentang Pengurusan Kurikulum di Sekolah	35
2.2.5	Grid Pengurusan	39
2.3	Rumusan	44
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Kawasan Kajian	49
3.4	Populasi	50
3.5	Persampelan	50
3.6	Instrumen Kajian	52
3.7	Prosedur Kajian	53
3.8	Kajian Rintis	55
3.9	Kebolehpercayaan dan kesahan	56
3.10	Pengumpulan Data	56
3.11	Penganalisan Data	57
4.0	Kesimpulan	58

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	60
4.2	Skor Indikator Jawatankuasa Kurikulum Sekolah	63
4.3	Skor Indikator Panitia Mata Pelajaran	66
4.4	Indikator Pelaksanaan Program Kurikulum	70
4.5	Indikator Jadual Waktu	71
4.6	Indikator Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	73
4.7	Indikator Jawatankuasa Pusat Sumber Sekolah	75
4.8	Skor Jawatankuasa Penilaian dan Peperiksaan	77
4.9	Program Peningkatan Penggunaan Teknologi Maklumat	78
4.10	Pelaksanaan Pedagogi dan Pandragogi (Pengajaran dan Pembelajaran) Aspek Guru Membimbing	79
4.11	Pengurusan dan Pelaksanaan Program Kokurikulum	89
4.12	Proses Penyebaran Sukatan Pelajaran Baru KBSM	91
4.13	Penyebaran Maklumat di Kalangan Guru-guru di Sekolah-sekolah	93
4.14	Korelasi antara Skor Pengurusan Kurikulum dan Pencapaian PMR, SPM dan STPM di Sekolah-sekolah yang dikaji	94
4.15	Rumusan	95

BAB 5	PENUTUP	
5.1	Pendauluan	96
5.1.1	Rumusan Hasil Kajian	96
5.2	Cadangan Kajian	109
5.2.1	Pengurusan Kurikulum diberikan perhatian lebih serius	109
5.2.2	Aspek belanjawan perlu dititik beratkan dalam perancangan pengurusan kurikulum bagi merealisasikan setiap projek berjalan lancar	110
5.2.3	Penglibatan pihak ibu bapa dan majlis pemuafakatan sekolah perlu ditingkatkan	110
5.2.4	penglibatan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Setiausaha Kokurikulum dalam jawatankuasa kurikulum	111
5.2.5	Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dipercepatkan	111
5.2.6	Pembelajaran Masteri	112
5.2.7	Pembelajaran Kontekstual	112
5.2.8	Belajar cara belajar	113
5.2.9	Kemahiran Berfikir	113
5.3	Cadangan-cadangan Kajian Lanjutan	114
5.4	Penutup	115
BIBLIOGRAFI		117
LAMPIRAN		
A	Soal Selidik	123
B	Surat Kebenaran	146

SENARAI JADUAL

No. Jadual
Halaman

3.1	Jumlah Sampel Kajian Mengikut Jenis Pengurus Kurikulum	46
4.1	Ranking Sekolah-sekolah yang Dikaji	51
4.2	Tahap Penarafan Pengurusan Kurikulum Sekolah-sekolah	52
4.3	Indikator-indikator Guru Membimbing dalam Pengajaran dan Pembelajaran	66
4.4	Aspek Murid Membuat dalam Pengajaran dan Pembelajaran	70
4.5	Indikator Pelaksanaan dan Pengurusan Kokurikulum Sekolah	72



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

No. Rajah
Halaman

1.1	Kerangka Kajian	9
1.2	Hubungan Pusat Sumber dan Pengurusan Kurikulum	20
2.1	Kerangka Sekolah Berkesan	35
2.2	Model "Colloborative School Management "(CSM)	37
2.3	Grid Pengurusan	42
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan I	45
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan II-Satu Kajian Expost-Fakto	45
4.1	Skor Indikator Jawatankuasa Pengurusan Kurikulum	54
4.2	Perbandingan Skor Pengurusan Kurikulum di antara Responden daripada 4 Bidang Mata Pelajaran	57
4.3	Taburan Frekuensi Skor Indikator Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	61
4.4	Indikator Program Peningkatan Penggunaan Teknologi Maklumat	63
4.5	Indikator Set Induksi , Strategi Pengajaran dan Peneguhan	68
4.6	Skor Indikator KBKK, Indikator Kecerdasan Pelbagai dan Indikator Pembelajaran Masteri	70
4.7	Indikator Aspek Pengurusan dan Pelaksanaan Kurikulum	73

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menurut (Greenfield 1995:Ishak Sin 2001) sekolah merupakan organisasi yang bergerak dalam dua arah yang bertentangan. Dari satu aspek pengajaran diperlukan satu keadaan yang longgar untuk membolehkan guru-guru menghasilkan sesuatu hasil yang profesional dan kreatif sementara itu dari arah yang bertentangan keadaan birokrasi yang ketat mencengkam guru-guru dan pentadbir di sekolah. Keadaan longgar-ketat ini mewujudkan keadaan yang akan menjadikan guru-guru terpaksa untuk membuat keputusan dan pada masa yang sama ini akan mengongkong guru-guru dengan satu bentuk disiplin yang ketat.

Kualiti pencapaian pendidikan di sekolah banyak dipersoalkan oleh orang ramai dan media masa, seolah-olah ianya tidak lagi menaruh keyakinan kepada kewibawaan pihak sekolah dalam hal-ehwal mendidik pelajar. Perkara seperti ini timbul bilamana orang ramai yang merupakan "pelanggan" kepada sekolah mendapati murid yang juga adalah aset sekolah adalah tidak menepati dan tidak seperti yang diharapkan oleh masyarakat dan negara. Kecemerlangan pencapaian murid pada sijil peperiksaan tidak mencerminkan kematangan berfikir, tidak ada kepetahan berhujah, nilai kepimpinan yang rendah dan dalam beberapa aspek tingkah laku yang dilaporkan dalam pencapaian tahap disiplin adalah dipertikaikan

(Jemaah Nazir Sekolah 2001). Perkara ini menyebabkan setiap aspek dalam pengurusan kurikulum didapati perlu untuk diukur. Aspek-aspek ini dinyatakan dalam Instrumen Pemeriksaan Peningkatan Standard Tinggi Kualiti Pendidikan yang dikemukakan oleh Jemaah Nazir (2000).

Sehubungan dengan itu kita perlu mencari apakah terdapat hubungan antara pengurusan kurikulum yang merupakan satu sistem dalam sesebuah sekolah dengan pencapaian murid yang merupakan salah satu produk bagi sesebuah sekolah. Pengurusan kurikulum merupakan salah satu elemen input dalam sistem sesebuah sekolah. Jemaah Nazir (2000) ada menyatakan bahawa sebanyak 30 indikator yang boleh diukur dalam pengurusan kurikulum. Pencapaian murid pula merupakan salah satu produk yang boleh diukur melalui peperiksaan umum. Pencapaian murid dalam PMR, SPM dan STPM digunakan dalam kajian ini memandangkan ia merupakan satu peperiksaan umum di sekolah-sekolah yang dikaji.

Menurut Mohd. Daud Hamzah (1994), kurikulum ialah suatu unsur budaya dan ilmu pengetahuan yang dikenalpasti dapat memandu pengajaran guru kepada kumpulan murid tertentu. Pengurusan kurikulum ialah aktiviti yang menegaskan setiap fasa pengurusan dilaksanakan dan juga perlu dipastikan hala tujunya. Ini termasuklah bagaimana hala tuju akan dapat dicapai dan juga tempoh masa untuk mencapainya. Selain itu, adalah perlu bagi pengurus-pengurus memastikan sama ada proses ini akan berjaya dicapai ataupun sebaliknya.

Menurut Longstreet dan Shane (1993) menganggap kurikulum adalah merupakan satu peristiwa dalam sejarah yang secara kebetulan berlaku dan terbina bagi memenuhi keperluan tertentu. Menurut (Goodson 1994) pula menyatakan

bahawa kurikulum adalah merupakan konsep yang mempunyai kepelbagaian bentuk, terbina dengan teratur, boleh disesuaikan di pelbagai peringkat dan bidang .

Marsh (1997) pula menyenaraikan definisi kurikulum yang pernah dikemukakan oleh para sarjana dan melihat pelbagai bentuk terhasil mengenai kurikulum:

- a) Kurikulum didefinisikan sebagai isi kandungan yang menekankan aspek sukatan pelajaran yang merupakan satu rumusan kenyataan mengenai pengisian yang patut diajar dan ianya dihubungkan dengan peperiksaan.
- b) Kurikulum juga telah didefinisikan sebagai produk. Satu dokumen yang merangkumi tujuan, objektif, pengisian, teknik mengajar, penilaian dan pengujian dan sumber pengajaran.
- c) Kurikulum juga dilihat sebagai satu set objektif yang ditetapkan untuk pembelajaran murid yang mana dianggap sebagai satu orientasi terhadap kurikulum.
- d) Selain itu kurikulum didefinisikan juga sebagai apa sahaja yang disampaikan atau diajar tidak kira di dalam kelas ataupun di luar , yang mana disampaikan oleh guru atau pihak sekolah. Ini merangkumi semua bentuk aktiviti yang berlaku dalam kelas, di

padang dan dalam komuniti atau kelompok pelajar yang terangkum dalam kurikulum tersebut.

- e) Kurikulum juga didefinisikan sebagai apa sahaja yang dialami oleh pelajar sepanjang tempoh persekolahannya. Pelajar dianggap sebagai pelajar yang bermotivasi sendiri.
- f) Definisi kurikulum seterusnya adalah, apa sahaja yang dirancang oleh pihak sekolah adalah merupakan kurikulum.

Pollard dan Tann (1987) pula merangkumkan bahawa sesuatu yang tersirat dari hasil prosedur yang dikenakan oleh sekolah, dalam bahan-bahan kurikulum, pendekatan komunikasi yang digunapakai dan juga adab sopan yang digunakan oleh kakitangan dan guru-guru sekolah.

Pengurusan ialah satu aktiviti yang merupakan satu siri tindakan yang akan dapat menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Menurut Spinks (1990) pengurusan adalah perlu dilaksanakan secara berpasukan dan bukan menekankan soal bidang kuasa dan juga penyeliaan prosedur. Beliau juga menekankan enam fasa utama dimana beliau menegaskan bahawa setiap ahli pasukan pengurusan adalah perlu mengetahui hala tuju sesebuah sekolah itu, mengapa, dan bagaimana setiap hala tuju itu akan dapat dicapai. Setiap ahli dalam pasukan pengurusan itu juga perlu menentukan samaada ianya tercapai atau sebaliknya dan menentukan sasaran tempoh masa sesuatu perkara perlu dicapai.

Enam fasa dalam pengurusan sekolah yang dinyatakan oleh Spinks ialah Pertama, menentukan matlamat; Kedua, membuat dasar; Ketiga, merancang kurikulum; Keempat, memperuntukkan sumber; Kelima melaksanakan program pembelajaran dan keenam adalah penilaian. Beliau berpendapat bahawa terdapat perubahan yang ketara dalam tanggungjawab pengurus sekolah. Pengurus sekolah perlu mendasari perkembangan kurikulum bagi memenuhi keperluan pelajar dan mendalami perkembangan kemahiran pengurusan agar kurikulum dapat disampaikan secara cekap dan berkesan walaupun ada kekangan sumber yang terhad. Pengurus seharusnya perlu menghayati perkembangan pendekatan yang mana mampu membawa perubahan sebagai fenomena semulajadi di sekolah.

Pengurusan juga didefinisikan sebagai sains kepimpinan. Fadzilah 1990 dan Brain 1966 menyatakan bahawa pengurusan merupakan suatu konsep dan metodologi yang apabila dilaksanakan oleh seseorang akan membolehkan pemimpin itu meningkatkan keberkesanan kepimpinannya. Tanpa pengurusan, kepimpinan yang sehebat mana sekalipun tidak akan mampu mengekalkan kesinambungan sesuatu institusi. Kepimpinan akan menurun mutu dan prestasinya jika apa yang dibuat oleh pemimpin terdahulu tidak dapat disambung ataupun diperbaiki. Tanpa proses memperbaiki kesilapan yang terdahulu maka tidak mungkin ada kemajuan. Untuk melaksanakannya perlu ada rekod untuk boleh dijadikan rujukan yang juga merupakan salah satu daripada proses pengurusan yang penting.

Robbins (1998) pula menyenaraikan empat fungsi utama pengurusan dalam organisasi:

- i) Proses merancang yang melibatkan pembinaan strategi bagi mencapai matlamat melalui penyatuan serta penyelarasan sumber dan aktiviti dalam sesebuah organisasi. Pihak pengurusan serta ahli dalam organisasi, dalam konteks kajian ini merupakan sebuah sekolah yang perlu menentukan cara yang paling sesuai bagi mencapai matlamat. Dalam hal ini pengurus perlu merancang dalam menentukan apa yang hendak dicapai oleh sekolah dan bagaimanakah matlamat itu hendak dicapai. Pengurus pula perlu memiliki kemahiran konseptual serta bertindak dengan proaktif semasa membuat perancangan.
- ii) Proses mengorganisasi melalui penentuan corak organisasi dan penentuan tugas setiap individu dalam usaha mencapai matlamat organisasi. Dalam hal pengorganisasian ini persoalannya "Apakah yang hendak dilakukan?", "Siapakah yang akan melakukannya?", "Bagaimana?", "Apakah gabungan yang diperlukan?" dan "Bagaimanakah bentuk proses membuat keputusan dan pelaporan yang perlu ditentukan?"
- iii) Proses mengarah yang melibatkan kaedah bagi menentukan seseorang guru melakukan sesuatu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pengurus. Soal motivasi, meningkatkan komitmen, bentuk saluran komunikasi yang paling efektif perlu dipastikan. Di samping itu, proses menangani konflik juga perlu ditentukan. Dengan ini hubungan pengurus dengan guru-guru amat penting. Perbezaan

persepsi, fahaman dan kebolehan perlu digerakkan demi kepentingan sekolah.

- iv) Proses seterusnya ialah bagaimana mengawal dan memantau ketiga-tiga langkah di atas. Apakah bentuk kriteria penilaian? Proses penyelidikan dan pembangunan yang terlibat dalam pembaik-pulihan sebahagian atau keseluruhan organisasi atau sekolah . Walau bagaimanapun dalam proses mengawal dan memantau hala tuju perlu dipastikan dan dirujuk supaya segala perancangan berjalan lancar dan mengikut hala tuju yang dikehendaki.

Azmi Zakaria et al. (1995) pula menyatakan, pemimpin pengajaran menjalankan tugas kepimpinan kurikulum dan bertanggungjawab ke atas perkara yang dipelajari oleh murid, alat bantuan sokongan yang digunakan, cara guru membantu pelajar belajar, gaya dan kaedah penilaian dan kemudahan pembelajaran yang disediakan. Sebagai pemimpin pengajaran, pengetua harus secara aktif dan berkesan merancang pelbagai perkara yang berkaitan pembelajaran di bilik darjah, penyediaan bahan pengajaran, penyeliaan kaedah dan cara guru mengajar, pembinaan mekanisme penilaian terhadap kemajuan pelajar dan pelaksanaan program pembangunan staf untuk meningkatkan profesionalisme guru.

Menurut Leithwood (1995) pula, sebagai pemimpin pengajaran, pengetua haruslah berupaya memberi kesan terhadap pengajaran di bilik darjah dengan melalui tindakan seperti penyeliaan, pembangunan staf kejurulatihan, teladan dan pelakuan lain yang mempengaruhi pemikiran dan amalan guru. Bagaimanapun, dapatan Haminah Suhaibo (1997) menunjukkan bahawa ada unsur pengabaian

program pembangunan staf di sekolah-sekolah dan dapatan kajian Zulwali Kipli Merawi (1996) pula mendapati rata-rata sekolah tidak mempunyai perancangan pembangunan staf yang mantap.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengurus Kurikulum di sekolah perlu mendasari perkembangan kurikulum bagi memenuhi keperluan pelajar. Mereka perlu mendalami perkembangan kemahiran pengurusan untuk menyampaikan kurikulum dengan cara yang berkesan dan cekap walaupun berasaskan kepada sumber yang terhad. Pengurus Kurikulum juga seharusnya menghayati perkembangan pendekatan yang mampu membawa perubahan sebagai fenomena semulajadi di sekolah. Segala perlakuan ini bertujuan melaksanakan kurikulum yang telah ditetapkan.

Zigarelli (1996) menyatakan kejayaan sekolah mempunyai pertalian kuat dengan kepimpinan pengetua dalam bidang pengajaran. Ubben dan Hughes (1992) berpendapat, pencapaian sekolah banyak bergantung kepada proses pengurusan perkara-perkara dalaman organisasi sekolah seperti kepimpinan pengajaran. Hussein Mahmood (1993) menekankan peranan yang perlu dimainkan oleh pemimpin pengajaran. Beliau juga telah menyenaraikan aktiviti pemimpin pengajaran kepada lapan bidang. Aktiviti tersebut ialah menetapkan falsafah sekolah, membentuk wawasan sekolah, merangka dan membentuk dasar dan prosedur sekolah, menetapkan matlamat sekolah dan objektif program, memberi sokongan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, perkembangan

staf, memberi kerjasama kepada pihak luar sekolah, dan mengawal mutu pengajaran.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan definisi De Bovoise (1984) kepimpinan pengajaran meliputi semua tindakan yang diambil oleh pengetua atau wakilnya bagi tujuan mempertingkatkan perkembangan pembelajaran pelajar. Greenfield (1987) pula menyatakan kepimpinan pengajaran ialah tindakan-tindakan yang diambil oleh pengetua dengan niat untuk mempertingkatkan keadaan pembelajaran di sekolah, begitu juga Bossert et al. (1982) berpendapat kepimpinan pengajaran menyediakan satu kerangka pengurusan dan pembelajaran, kerana fungsi utama sekolah ialah pengajaran dan matlamatnya adalah bagi menggalakkan pelajar belajar dan pengurus pula perlu mewujudkan iklim sekolah yang boleh menggalakkan pelajar belajar. Maka kita dapati bahawa pengurusan sekolah di sekolah termasuk pengurusan kurikulum boleh diukur. Kajian ini akan menerangkan sejauhmanakah hubungan antara pengurusan kurikulum dengan pencapaian pelajar dalam PMR, SPM dan STPM. Berdasarkan teori kepimpinan pengajaran ini juga kajian ini akan cuba melihat prestasi enam belas buah sekolah di Daerah Sandakan dan kemudian akan memberikan 'ranking' sekolah-sekolah tersebut. Usaha-usaha meningkatkan pencapaian dalam PMR, SPM dan STPM dilakukan melalui usaha-usaha dalam meningkatkan pengurusan kurikulum.

Faktor gantian kepada kepimpinan ialah ciri-ciri orang bawahan, ciri-ciri tugas dan ciri-ciri struktur organisasi. Krug dan Jenifer (1978) menyatakan bahawa pemimpin tidak mempunyai kesan kepada kepuasan, motivasi atau prestasi orang bawahan, tetapi pembolehubah keberkesanan ini ditentukan oleh ciri-ciri orang

bawahan, tugas dan struktur organisasi. Berdasarkan kepada teori gantian ini kita dapati bahawa terdapat faktor-gantian kepada kepimpinan yang menentukan bentuk hubungan antara pemimpin dengan pengikut. Pengkaji masuk ke sekolah-sekolah berkenaan bagi melihat apakah masalah sebenar yang mencirikan sesuatu pengurusan kurikulum sekolah yang menyebabkan sekolah tersebut mencapai prestasi yang rendah dan tahap pengurusan kurikulum yang rendah.

Buchanan (1974) Hrebniak dan Aluno (1975) Mowday et al. (1982) dan Steers (1977) menyatakan bahawa komitmen guru-guru dan seluruh warga sekolah sebagai satu pembolehubah penting dalam menentukan prestasi pencapaian sesebuah sekolah terutama yang berkaitan dengan pengurusan kurikulum. Pengkaji juga akan mengenal pasti satu lagi masalah kajian dalam pengurusan kurikulum ini iaitu sejauhmanakah komitmen guru-guru dalam memastikan pencapaian murid.

Pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah menengah yang dikaji dalam penyelidikan ini dibuat berdasarkan 30 indikator Instrumen Standard Tinggi Kualiti Pendidikan oleh Jemaah Nazir Sekolah (2000). Setiap indikator dalam instrumen itu melihat dari sudut bagaimanakah ia menguatkan pengurusan kurikulum dan juga apakah pula faktor-faktor yang menyumbang kepada kelemahan dalam pengurusan kurikulum di sekolah. Ranking untuk membezakan pencapaian setiap sekolah diwujudkan dalam kajian ini bagi melihat sekolah manakah yang paling berkesan pengurusan kurikulumnya dan peringkat terakhir kajian ini akan memeriksa sejauhmanakah terdapat hubungan pengurusan kurikulum dengan pencapaian PMR, SPM dan STPM.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan adakah terdapat perkaitan antara pengurusan kurikulum dengan pencapaian murid di sekolah menengah daerah Sandakan Sabah.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis kepelbagaian pendekatan pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah menengah di Daerah Sandakan. Kajian ini juga berobjektif untuk memeriksa kekuatan dan kelemahan pendekatan-pendekatan pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah menengah tersebut. Berikut ialah empat objektif kajian bagi tinjauan ini.

- a. Memeriksa pelaksanaan pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah menengah di Daerah Sandakan.
- b. Menganalisis apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Pengurusan Kurikulum di sekolah-sekolah menengah di Daerah Sandakan.
- c. Menganalisis apakah kekuatan pengurusan kurikulum di beberapa buah sekolah sekolah di Daerah Sandakan.
- d. Melihat hubungan antara pengurusan kurikulum dengan pencapaian PMR, SPM dan STPM.